



TEKS UCAPAN

**YAB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
TIMBALAN PERDANA MENTERI**

SEMPENA

PROGRAM

**MAJLIS PERASMIAN
NATIONAL INNOVATION AND COMMERCIALISATION
EXPO
(NICE) 2025**

TARIKH / MASA / LOKASI

**6 OKTOBER 2025 (ISNIN) | 10.00 PAGI
WORLD TRADE CENTRE (WTC), KUALA LUMPUR**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

(Salutasi)

Assalamualaikum WBT dan Salam Malaysia MADANI,

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul pada hari ini bersempena dengan **Majlis Perasmian *National Innovation and Commercialisation Expo (NICE) 2025***.
2. Hari ini, **NICE 2025 dengan tema “Innovation. Growth. Global Impact”** menyatukan bakat, teknologi dan penyelesaian tempatan di atas satu landasan utama bagi mempamer dan memperkasakan inovasi tempatan agar mampu berkembang ke peringkat antarabangsa.
3. NICE 2025 merupakan satu komitmen Kerajaan dalam menghargai usaha dan pencapaian para pemain dalam ekosistem *Research, Development, Commercialisation, and Innovation* (RDCI) tempatan sejajar dengan aspirasi MADANI berteraskan Daya Cipta yang menekankan pembaharuan dan pengupayaan modal insan. Inisiatif ini

berkait rapat dengan peranan negara dalam memacu pembangunan serta pengaplikasian teknologi.

4. Tahniah kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) di atas penganjuran program persidangan / pameran yang menggabungkan program-program berkaitan inovasi dan pengkomersialan di bawah MOSTI dalam satu ekspo iaitu NICE 2025. Ekspo ini menampilkan empat program utama iaitu *Malaysia Commercialisation Year* (MCY), Konvensyen *Fundconnect*, *I-Nation Global Summit*, dan BioXCeed 2025 sekali gus memperkukuh usaha Kerajaan dalam memupuk ekosistem inovasi.
5. Untuk makluman hadirin sekalian juga, penganjuran NICE 2025 ini akan turut menyaksikan pemeeteraian **12 perjanjian dan memorandum persefahaman bernilai lebih RM800 juta** serta pelancaran **13 produk baharu** melibatkan agensi, universiti dan syarikat merangkumi bidang **agroteknologi, bioteknologi dan pembangunan digital**.

SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI MEMANGKIN DAYA CIPTA MADANI

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Inovasi merupakan satu komponen penting bagi kejayaan sesebuah negara. ***“Innovation and embracing change are vital in economic prosperity”*** - satu-satunya cara untuk masyarakat, ekonomi dan perusahaan terus maju dalam era ini ialah dengan bersedia untuk berinovasi dan menyesuaikan diri dengan perubahan semasa.
7. RDCI yang berteraskan usaha sama Kerajaan dan swasta merupakan ramuan tepat bagi menghasilkan produk dan perkhidmatan tempatan yang bernilai tinggi serta mampu meningkatkan perbelanjaan kasar R&D daripada KDNK (GERD) kepada 2.5 peratus menjelang 2030.
8. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), negara telah menyaksikan perbelanjaan kasar R&D (GERD) meningkat daripada 0.95% pada tahun 2020 kepada 1.01% pada tahun 2022, dipacu oleh perbelanjaan sektor swasta yang meningkat daripada RM4.61 bilion kepada RM9.33 bilion.
9. Menurut laporan *World Intellectual Property Organization* (WIPO), kedudukan **Malaysia telah naik tiga tangga dengan berada di kedudukan ke-33 dalam kalangan 133 ekonomi yang dipaparkan dalam *Global Innovation Index* (GII) bagi tahun 2024.**

10. Saya yakin prestasi Malaysia di persada dunia akan terus meningkat apabila semua pihak bekerjasama untuk menggalakkan budaya inovasi dalam mencapai status Negara Berteknologi Tinggi menjelang 2030.

PERANAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (STI) DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI

Hadirin yang dihormati sekalian,

11. Peranan STI dalam membangunkan ekonomi tidak dapat dipertikaikan lagi. Walaupun Malaysia sedang pesat membangun, masih banyak yang perlu dicapai dan dilakukan untuk berdiri setanding dengan negara-negara maju yang lain. Malaysia perlu menggunakan paksi inovasi dengan ekosistem yang dinamik bagi memupuk budaya keusahawanan berteraskan penyelidikan, pembangunan, inovasi, pengkomersialan dan ekonomi (R,D,C,I&E).
12. Selaras dengan aspirasi Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13) yang telah dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri, ekosistem RDICE – *Research, Development, Innovation, Commercialisation & Economy* – akan diperkukuhkan lagi sebagai teras kepada pembangunan sains, teknologi dan inovasi negara. Di bawah RMKe-13, kerajaan menumpukan kepada penyelidikan bertaraf

antarabangsa yang diterajui anak tempatan dan syarikat Malaysia, dengan langkah proaktif dalam tadbir urus, pelaburan, insentif dan pembangunan bakat bagi mencapai kedudukan 20 teratas GII.

13. Kerajaan bertekad untuk memastikan ekosistem RDICE ini menekankan kesinambungan rantai nilai daripada penyelidikan sehingga pengkomersialan dan penjanaan ekonomi, agar hasil STI dapat memberi impak nyata kepada kesejahteraan rakyat dan daya saing negara.
14. Di samping itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan bahawa Kerajaan melalui MOSTI dan agensi pelaksanaanya, Cradle Fund Sdn. Bhd. telah melaksanakan pelbagai inisiatif dan program untuk menyokong *startup* tempatan yang juga Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) berasaskan teknologi dengan memupuk persekitaran yang kondusif untuk pertumbuhan mereka, antaranya merangkumi kemudahan pembiayaan, khidmat nasihat, *mentoring* dan lain-lain berkaitan.
15. **Pelan Hala Tuju Ekosistem *Startup* Malaysia (SUPER) 2021-2030** juga telah dibangunkan oleh Kerajaan untuk meningkatkan KDNK negara, mencipta pekerjaan bernilai tinggi, dan meningkatkan pelaburan dalam bidang teknologi mendalam (*deep tech*) yang berimpak tinggi bagi

negara. SUPER menyasar untuk meletakkan Malaysia di kedudukan **20 teratas dalam ekosistem startup global menjelang tahun 2030** sejajar dengan aspirasi Kerajaan untuk menjana inovasi berteknologi tinggi, pembangunan saksama buat masyarakat dan membina negara berkeusahawanan menjelang tahun 2030.

16. Ekosistem *startup* Malaysia dianggarkan bernilai USD47 bilion pada tahun 2024 dan disasarkan mencecah USD90 billion pada tahun 2030. Dalam laporan *Global Startup Ecosystem Report* (GSER) 2025 yang dilancarkan pada 12 Jun 2025 oleh Startup Genome, Kuala Lumpur berada di kedudukan ke-18 dalam kalangan ekosistem baru muncul di seluruh dunia, menandakan lonjakan yang ketara ke hadapan daripada kedudukan sebelumnya antara tempat ke-21 hingga ke-30 dari tempoh 2022 hingga 2024.

KEPENTINGAN PEMBIAYAAN DANA R&D KE ARAH MENCAPAI NEGARA BERTEKNOLOGI DAN PENDAPATAN TINGGI

Hadirin yang dihormati sekalian,

17. Selari dengan matlamat ke arah negara berteknologi dan berpendapatan tinggi, Kerajaan komited untuk terus menyokong aktiviti RDCIE bagi menggalakkan

penerimagunaan dan aplikasi STI oleh masyarakat, *startup*, PKS dan industri dalam meningkatkan *output* / hasil pengeluaran demi menjana ekonomi yang lebih mapan serta berdaya saing.

18. Dalam merealisasikan hasrat ini, Kerajaan telah memperuntukkan siling sebanyak RM350 juta di bawah Dana PEMACU melalui RMK-12 yang memberi tumpuan kepada penyelidikan di peringkat pembangunan eksperimental, dengan sasaran sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan pelaburan R&D negara disalurkan dalam bidang ini.
19. Sehingga Ogos 2025, 158 projek telah menerima dana R&D MOSTI berjumlah RM331 juta di bawah RMKe-12. Pembiayaan ini menyokong projek penyelidikan berimpak tinggi dan berjaya melahirkan penemuan baharu serta harta intelek yang memacu inovasi tempatan.
20. Ke arah memperluaskan lagi sumber pembiayaan, **Kerajaan juga telah mewujudkan *Malaysia Science Endowment* (MSE) untuk menguruskan dana dari pelbagai sumber** seperti geran dari industri, dana antarabangsa, *cess funds*, penderma (*philanthropist*), *angel investors*, wakaf dan lain-lain berkaitan bagi

menyokong pembiayaan lestari aktiviti R&D&I tanpa terlalu bergantung kepada sumber Kerajaan.

21. Melalui matlamat negara yang jelas untuk menjadikan Malaysia sebagai hab inovasi dan teknologi serantau, bidang R&D merupakan tunjang utama pertumbuhan ekonomi, inovasi teknologi dan kemajuan sosial. Berlandaskan prinsip Kemampanan dan Kesejahteraan dalam Malaysia MADANI, kerajaan telah memperkukuh ekosistem inovasi negara melalui geran penyelidikan, hala tuju teknologi serta inisiatif pembiayaan, agar manfaat kemajuan teknologi dapat dinikmati secara inklusif oleh seluruh masyarakat.

MEMPERKUKUH KEDAULATAN TEKNOLOGI NEGARA

22. Kerajaan mengalu-alukan usaha MOSTI membangunkan **Kerangka Kedaulatan Teknologi Negara** (*National Technology Sovereignty Framework* - NTSF) bagi memberi hala tuju dan memperkukuhkan kedaulatan teknologi merangkumi insentif fiskal, pemindahan teknologi, dan strategi kerjasama nasional dan antarabangsa terutamanya bidang berkeutamaan tinggi seperti kecerdasan buatan, bioteknologi, teknologi hijau, aeroangkasa dan semikonduktor.

23. Dalam keadaan sosioekonomi global kini, NTSF dilihat berpotensi mengenal pasti dan membangunkan teknologi kritikal untuk kegunaan negara serta mengurangkan kebergantungan kepada teknologi luar. Langkah ini adalah penting bagi melindungi kepentingan nasional, memperkukuh keselamatan negara, serta memastikan Malaysia terus berdaya saing dalam ekonomi global berteknologi tinggi.

**PELAN HALA TUJU DAN PELAN TINDAKAN
PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN, INOVASI,
PENGKOMERSIALAN DAN EKONOMI KEBANGSAAN
(RDICE)**

Hadirin yang dihormati sekalian,

24. Seiring dengan pelaksanaan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021–2030, kerajaan melalui MOSTI telah merangka Pelan Hala Tuju Penyelidikan, Pembangunan, Inovasi, Pengkomersialan dan Ekonomi (RDICE) bagi memperkukuh ekosistem penyelidikan, pembangunan, inovasi, pengkomersialan dan ekonomi negara. RDICE berperanan sebagai pemacu kepada ekonomi berasaskan pengetahuan, pengukuhan daya saing industri serta peningkatan kapasiti teknologi negara.

25. Bagi mencapai aspirasi ke arah penciptaan produk dan perkhidmatan '*Made by Malaysia*', kerajaan komited untuk terus menyokong pelabur dalam dan luar negara terlibat lebih aktif dalam aktiviti R&D&C&I. Menyedari kepentingan untuk mencapai aspirasi tersebut, MOSTI dan Kementerian Ekonomi sedang membangunkan strategi yang lebih terperinci.
26. Antara strategi utama yang ditekankan ialah memantap, memperkukuh serta memperluas peranan Unit Pengurusan Penyelidikan Kebangsaan di bawah Kementerian Ekonomi. Unit ini akan menambah baik mekanisme perancangan, pelaksanaan, penilaian dan pemantauan semua program dan projek penyelidikan negara. Program penyelidikan berasaskan misi juga akan diberikan keutamaan bagi memastikan penyelidikan yang mengguna pakai dana kerajaan sejajar dengan keperluan pembangunan sosioekonomi negara.
27. Di samping itu, tumpuan juga akan diberi bagi membolehkan harta intelek diambil kira sebagai aset tak ketara yang boleh menjana sumber pendanaan. Langkah juga akan diambil bagi memberi ruang yang lebih luas kepada penyelidik yang melaksanakan R&D dengan dana kerajaan untuk memiliki harta intelek yang terhasil daripada penyelidikan tersebut.

28. Selain itu, industri akan digalak untuk memanfaatkan kepakaran penyelidik di universiti bagi penghasilan produk yang mampu dikomersialkan. Untuk mencapai hasrat ini, pendanaan oleh industri akan dijadikan kriteria penting dalam penarafan universiti. Usaha ini telah pun dimulakan di bawah inisiatif makmal yang ditaja, contohnya, Western Digital – USM, Agilent Technologies – Monash Malaysia dan Huawei – Universiti Malaya.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

29. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, suka saya memetik kata-kata ahli falsafah dan negarawan dari Jerman, Martin Heidegger – **“Everywhere we remain unfree and chained to technology, whether we passionately affirm or deny it. But true reflection on technology opens a free relationship to it.”**. Mengambil inspirasi daripada kata-kata tersebut, Malaysia harus mengubah cara pemikiran lama dan harus berganjak dari semata-mata menjadi pengguna teknologi kepada pengeluar teknologi selaras dengan teras daya cipta seperti yang telah digariskan dalam Malaysia MADANI.

30. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbangkan usaha dan sokongan dalam membangunkan ekosistem pengkomersialan Malaysia. Daripada kerajaan kepada institusi akademik, syarikat korporat kepada masyarakat, sumbangan anda semua telah membantu mencipta satu landskap yang kondusif untuk pertumbuhan usahawan dan inovator.
31. Syabas kepada MOSTI dan MRANTI selaku rakan strategik yang telah berusaha gigih serta memberikan komitmen menganjurkan Program *National Innovation and Commercialization Expo* (NICE) 2025 dengan menghimpunkan para penyelidik, pencipta, usahawan teknologi dan pelabur dalam satu platform inklusif bagi mempamerkan kejayaan R&D dan inovasi tempatan serta memperkukuh jaringan pengkomersialan teknologi negara.
32. Akhir kalam, dengan kalimah suci “Bismillahir Rahmanir Rahim”, saya merasmikan *National Innovation and Commercialization Expo* (NICE) tahun 2025.

Wabillahi taufiq wal hidayah wassalamu'alaikum
warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.